

Malaysia perkukuh perkhidmatan tanpa tunai

EVOLUSI teknologi semakin berkembang dan bergerak pantas sehingga membuatkan manusia di seluruh dunia terpaksa mengejanya.

“Disebabkan itu, bagi mengelakkan rakyat ketinggalan, kebanyakan negara berterusan memperkukuhkan saluran dan infrastruktur perkhidmatan tanpa tunai ini,” kata **Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia, Nor Azura Husin.**

Nor Azura berkata demikian ketika mengulas mengenai sejauh mana keberkesanan e-Dompot kepada komuniti khususnya.

Tambahnya, bagi memperkukuhkan



NOR AZURA

teknologi tersebut, banyak negara melakukan kolaborasi dengan institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

“Di Malaysia sendiri banyak syarikat ternama telah mula mengorak langkah dengan menawarkan perkhidmatan e-Dompot. Kebanyakan jenama besar seperti Touch n’ Go tidak mahu ketinggalan dalam arus pemodenan teknologi.

“Misalnya, Cyberjaya dan Universiti Sultan Zainal Abidin

masing-masing menjadi bandar dan universiti pertama dalam mengorak langkah menawarkan

perkhidmatan tanpa tunai berkenaan,” ujarnya.

Katanya lagi, trend penggunaan e-Dompot semakin popular tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar, cuma ia mungkin mengambil masa untuk dilaksanakan.

“Memandangkan di kawasan luar bandar mempunyai kekurangan dari segi pengetahuan dan infrastruktur terhadap dunia digital ini, ia mungkin mengambil masa yang agak panjang untuk dilaksanakan.

“Bagaimanapun, perkara itu tidak akan membuatkan segelintir masyarakat terkecuali daripada perubahan landskap pembayaran ke arah dunia digital. Ia tetap akan dilaksanakan seiring dengan pemodenan dunia tanpa tunai,” jelasnya.